



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 4 petang, 11 Januari 2025

Untuk Terbitan Media  
11 Januari 2025

## **SIARAN MEDIA**

### **DAYA KERJAYA 3.0: LEBIH 11,000 PEKERJA TEMPATAN TERUTAMA OKU, BEKAS BANDUAN BAKAL DAPAT MANFAAT**

**BAGAN DATUK** – Lebih 11,000 pekerja tempatan daripada golongan rentan seperti Orang Kurang Upaya (OKU) dan bekas banduan bakal mendapat manfaat menerusi inisiatif lanjutan Daya Kerjaya 3.0 menerusi Belanjawan 2025 yang dilaksanakan tahun ini.

Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, kerajaan memperuntukkan RM20 juta untuk inisiatif tersebut yang bertujuan mengurangkan isu kebergantungan terhadap pekerja asing.

Menurutnya, peruntukan tersebut disalurkan kepada Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dan akan diselia agensinya iaitu Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

“Melalui inisiatif ini, majikan akan menerima insentif RM600 sebulan untuk tempoh tiga bulan bagi setiap pengambilan pekerja dalam kalangan OKU dan bekas banduan.

“Inisiatif ini selaras matlamat Malaysia MADANI dalam membina masyarakat inklusif dan mampan.

“Langkah proaktif ini adalah demi menggalakkan majikan menyumbang kepada pembangunan sosial negara melalui pengambilan pekerja daripada golongan memerlukan sokongan tambahan untuk memasuki alam pekerjaan,” katanya ketika merasmikan Karnival Kerjaya MYFutureJobs Bagan Datuk 2025, di sini, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Menteri KESUMA, Dato' Sri Abdul Rahman Mohamad; Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian Dan Industri Makanan, Dato' Mohd Zolkafly Harun; Ketua Setiausaha KESUMA, Datuk Azman Mohd Yusof; Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Muhd Khair Razman Mohamed Annuar; Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Datuk Ikhbal Hanam Mukras dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid berkata, karnival yang berlangsung hingga esok itu menawarkan lebih 5,400 peluang pekerjaan dengan julat gaji daripada RM1,700 ke RM5,000 menerusi penglibatan lebih 20 syarikat dari pelbagai sektor.

Katanya, usaha merancakkan pasaran buruh dikenal pasti penyumbang pola penyusutan ketidakpadanan pekerjaan kepada 18.2 peratus pada 2023, berbanding 40.5 peratus tahun sebelumnya.

“Hasil usaha KESUMA dan PERKESO, penawaran pekerjaan berkualiti mencakupi aspek gaji turut diberikan penekanan pada tahun lalu dengan 43,595 jumlah kekosongan jawatan yang menawarkan gaji lebih RM10,000 direkodkan setakat 27 Disember 2024,” katanya.

**Tamat**

###

### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘no one left behind’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**11 Januari 2025**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Iklil Fatimah Kamal Redzuan**

**+6019-7107479**

**[fatimah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatimah.redzuan@perkeso.gov.my)**

**Ridauddin Daud**  
**+6019-3265772**  
**[ridauddin.daud@perkeso.gov.my](mailto:ridauddin.daud@perkeso.gov.my)**